

Melihat semula perjuangan UMNO

UM - 12/5/2006

Oleh FAUZIAH AROF
dan ZAINI RABAN

(WARTAWAN UTUSAN)

"SEMUANYA kena bermula dengan bertatih dulu...buat kerja untuk parti dan tidak bising-bising untuk cari publisiti.

"Maka itu, parti boleh bertahan lama...bukan setakat 60 tahun tetapi boleh sampai selama-lamanya," kata Pengerusi Tetap UMNO, Tan Sri Onn Ismail yang lebih 40 tahun terlibat dalam parti keramat orang Melayu itu.

Beliau yang memulakan karier politiknya di UMNO Bahagian Pelabuhan Klang, Selangor berkata, sekiranya dulu suara UMNO boleh menggagalkan seluruh negara ketika menentang Malayan Union, sudah sepatutnya parti kerajaan itu terus berjuang untuk memajukan orang Melayu dalam pendidikan, sosial dan ekonomi.

Onn yang juga Speaker Dewan Undangan Negeri Selangor berkata, tiada istilah mencari publisiti atau memperjuangkan kepentingan sendiri sewaktu UMNO dalam pasca menuntut kemerdekaan dulu.

Malah Onn bekas guru lulusan Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI), Tanjung Malim itu, sentiasa menyokong perjuangan UMNO biar pun pada ketika itu masih menuntut di gedung ilmu berkenaan.

"Apa saja perkembangan mengenai perjuangan UMNO pada ketika itu sentiasa ditunggu-tunggu. Itulah hero kita," katanya.

Beliau berkata, guru-guru Melayu pada ketika itu memainkan peranan yang sangat besar untuk memupuk kesedaran terhadap minda masyarakat Melayu pada ketika itu.

Golongan itu juga banyak membuka minda orang-orang kampung mengenai Malayan Union iaitu satu gagasan yang samar-samar tujuannya dan kesannya terhadap pemerintahan Tanah Melayu.

Bagaimanapun, ada juga golongan atas pada ketika itu tidak mengerti perjuangan UMNO kerana menganggap adalah sia-sia untuk melawan kuasa British.

Justeru katanya, selepas menamatkan pengajian pada tahun 1957 dan negara akhirnya lepas daripada sebarang ikatan penjajah, Onn nekad untuk bersama UMNO bagi memperjuangkan kepentingan orang Melayu.

Beliau menyertai Pemuda di peringkat cawangan sehinggalah dilantik menjadi Ketua Pemuda, UMNO Bahagian Pelabuhan Klang pada tahun 1972.

Menurut Onn, Menteri Besar Selangor yang ke-2, Datuk Harun Idris adalah antara Ketua Pemuda yang amat disegani kerana ketokohan dan keberaniannya.

Pemuda katanya, dulu dikenali sebagai *ginger group* yang sentiasa berani dan tampil menangani isu-isu mengenai orang Melayu.

"Lihatlah, semasa beliau (Harun) memegang Selangor banyak perancangan yang dibuat demi kepentingan Melayu di negeri itu," katanya.

Selangor merupakan negeri yang menjadi pelopor mengadakan perbadanan khas iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) pada tahun 1964 dengan memberi tumpuan kepada pembangunan orang-orang Melayu.

Keberkesannya telah memikat kerajaan Pulau Pinang dan lain-pain negeri untuk mencontohi langkah dan peranan yang dimainkan oleh PKNS.

Pada masa itu juga ramai orang Melayu dari beberapa negeri berhijrah ke Kuala Lumpur dan mewarnai Kampung Baru, Datuk Keramat dan kemudiannya ke Ampang.

Onn berkata, nyata perjuangan UMNO sekarang adalah untuk terus membangunkan orang Melayu dan menjadikannya sebagai satu bangsa yang berdaulat.

"Jadi kita semua perlu melihat semula apa perjuangan kita dan tidak hanya berkecimpung dalam parti ini kerana kepentingan peribadi.

"Jika kita mengamalkan dasar mengaut keuntungan sendiri, nescaya 60 tahun akan datang UMNO akan berkubur," katanya.